

MAJLIS JASAMU DIKENANG LPU DAN SERAH TUGAS

Oleh : Mohd Basri Basir

Mantan Naib Canselor pertama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Datuk Prof Emeritus Dr Kamarudin Hussin dilantik Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti itu berkuatkuasa 1 Oktober 2018 lalu.

Justeru, satu majlis serah tugas dan majlis jasamu dikenang diadakan sebagai simbolik penyerahan tugas di antara dua tokoh penting berkenaan di samping meraikan mantan Pengerusi dan ahli-ahli LPU sebelum ini.

Datuk Kamarudin dilantik bagi menggantikan Dato' Dr Mohd Sofi Osman yang menerajui LPU sejak 1 Julai 2017 selepas Dato' Prof Emeritus Ir Dr Zainal Mohamed (2012-2017).

Pelantikan Datuk Kamarudin juga dilbaratkan sireh pulang ke gagang memandangkan beliau adalah figura yang tidak asing lagi dalam membangunkan universiti itu dari awal pernubuhan.

Dalam pada itu, Naib Canselor UniMAP Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal menzahirkan appresiasi kepada mantan-mantan Pengerusi LPU serta ahli-ahli LPU yang banyak membantu menjadikan universiti terus mencapai kecemerlenggan sepanjang perkhidmatan mereka.

Beliau juga mengalju-alukan pelantikan Datuk Kamarudin yang dilihat mampu mandukung usaha-usaha memperkasakan universiti pada masa hadapan sebagaimana hasrat yang dititahkan oleh DYTM Tuanku Canselor UniMAP.

